

# UTHM wujudkan pasar terapung pertama di Malaysia

**BATU PAHAT** - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mencatat sejarah tersendiri apabila memperkenalkan perniagaan ber-konsepkan pasar terapung pertama di negara ini, di Jeti Panchor, Muar.

Program anjuran Pejabat Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) iturut mendapat kerjasama Pejabat Hubungan Universiti dan Masyarakat, Pejabat Pentadbiran UTHM Pagoh, Kolej Kediaman Pagoh Jaya, Persatuan Nelayan Parlimen Pagoh dan penduduk Kampung Panchor.

Penolong Naib Canselornya, Datuk Dr Abdul Razak Omar berkata, pasar terapung ini menjual barang mentah dan barangan keperluan harian, yang diwujudkan untuk mempromosikan kawasan Panchor, sehingga mempunyai 'trademark' tersendiri.

Menurutnya, untuk jangka masa panjang, kawasan berkenaan akan dipenuhi kira-kira 10,000 pelajar setelah kawasan Pagoh menjadi Hab Pendidikan.

Beliau berkata, sebanyak empat Universiti



**Pelbagai barangan dapat diperoleh di pasar terapung anjuran UTHM dengan kerjasama persatuan nelayan dan penduduk setempat.**

Awam akan dibuka di situ, iaitu UTHM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan sebuah politeknik.

"UTHM yang sentiasa mencari idea dan peluang untuk membangunkan kawasan itu di samping menggalakkan komuniti Panchor mengambil langkah proaktif menjalankan perniagaan di Jeti Panchor yang boleh mendatangkan keuntungan sekali gus mempromosikan kawasan tersebut.

"Untuk pertama kali penganjurannya, pasar terapung ini disertai oleh pengusaha-peng-

usaha bersama 12 sampan yang disediakan untuk aktiviti jual beli barang dengan bantuan penuntut UTHM," katanya dalam satu kenyataan media.

Abdul Razak berkata, selain itu, kira-kira 20 gerai berkonsepkan mini karnival turut dibuka di pekarangan jeti oleh pengusaha pasar tani yang menjual pelbagai jenis juadah dan barangan keperluan harian.

Menurutnya, pada masa sama, 150 penuntut UTHM Kampus Pagoh turut memeriahkan suasana pasar terapung dengan pelbagai aktiviti bersama komuniti Kampung Panchor.